

# AXCEL SKIN SHIELD CREAM

Urea / Vitamin E / D-pantenol (10% w/w / 2% w/w / 1.2% w/w)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Axcel Skin Shield Cream.
2. Bagaimana Axcel Skin Shield Cream berfungsi.
3. Sebelum menggunakan Axcel Skin Shield Cream.
4. Cara menggunakan Axcel Skin Shield Cream.
5. Semasa menggunakan Axcel Skin Shield Cream.
6. Kesan-kesan sampingan.
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Axcel Skin Shield Cream.
8. Maklumat lanjut.
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran produk.
10. Tarikh kemaskini RiMUP.

## Apakah kegunaan Axcel Skin Shield Cream

Axcel Skin Shield Cream digunakan dalam rawatan dan pencegahan keadaan kulit kering, bersisik dan gatal seperti:

- Alahan dermatitis sentuh.
- Ekzema bayi.
- Alergi ekzema.
- *Itchyosis*.
- Hiperkeratosis.
- Kegatalan semasa musim sejuk pada individu berumur.
- Kulit merekah, kasar dan sakit semasa musim sejuk.

## Bagaimana Axcel Skin Shield Cream berfungsi

Urea adalah bahan semulajadi yang terdapat dalam kulit yang sihat. Kehadiran urea dalam krim ini melembapkan dan melembutkan kulit.

Vitamin E mempunyai antioksidan yang tinggi. Ia membantu untuk mengekalkan kulit yang sihat.

D-Pantenol meningkatkan penghidratan, mengurangkan gatal-gatal dan keradangan kulit dan meningkatkan penyembuhan luka.

## Sebelum menggunakan Axcel Skin Shield Cream

### -Bila tidak boleh menggunakan

Jangan guna Axcel Skin Shield Cream jika:

- Anda alergi atau hipersensitif pada bahan dalam produk ini.
- Anda mengandung, sedang merancang untuk mengandung atau mungkin mengandung.
- Anda sedang menyusukan anak. Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil sebarang ubat.

### -Sebelum menggunakan Axcel Skin Shield Cream

Maklumkan kepada doktor anda jika:

- Anda alergi pada ubat-ubatan, makanan dan pewarna.

### -Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan. Ia mungkin selamat bagi anda untuk mengguna Axcel Skin Shield Cream dan doktor akan menentukan apa yang sesuai untuk anda.

## Cara menggunakan Axcel Skin Shield Cream

### -Berapa banyak harus digunakan

*Arahan penggunaan:*

Untuk penggunaan luaran sahaja. Guna dengan berhati-hati dan sapu pada kawasan yang terjejas.

### -Bila perlu digunakan

Untuk digunakan 2-3 kali sehari atau apabila diperlukan.

Doktor anda akan menentukan sekiranya anda perlu menggunakan Axcel Skin Shield Cream.

### -Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

### -Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk mengantikan dos yang tertinggal.

### -Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

## Semasa menggunakan Axcel Skin Shield Cream

### -Perkara yang perlu dilakukan

- Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.
- Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Axcel Skin Shield Cream.
- Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa menggunakan ubat ini.

### -Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.
- Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.
- Jangan berkongsi Axcel Skin Shield Cream dengan seseiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama.

### -Perkara yang perlu diberi perhatian

- Produk ini tidak boleh diambil secara oral.
- Elakkan disapu pada kulit radang atau luka bernanah.

# AXCEL SKIN SHIELD CREAM

Urea / Vitamin E / D-panthenol (10% w/w / 2% w/w / 1.2% w/w)

## Kesan-kesan sampingan

Seperti semua ubat-ubatan, Axcel Skin Shield Cream boleh menyebabkan kesan sampingan walaupun bukan semua orang mendapatnya. Anda adalah dinasihatkan untuk berjumpa dengan doktor/ahli farmasi untuk maklumat lanjut. Kesan-kesan sampingan berikut telah dilaporkan:

- Rasa pedih dan menyengat.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web [npra.moh.gov.my](http://npra.moh.gov.my) (*Public → Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI / Vaccine Safety*).

## Cara penyimpanan dan pelupusan Axcel Skin Shield Cream

### -Penyimpanan

Jauhkan Axcel Skin Shield Cream dari jangkauan kanak-kanak. Simpan di bawah suhu 25°C. Pastikan bekas tertutup rapat dan lindungi daripada cahaya.

### -Pelupusan

Jangan guna Axcel Skin Shield Cream yang melebihi tarikh luput yang dicetak pada kotak.

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

## MAKLUMAT LANJUT

### -Rupa dan warna produk

Axcel Skin Shield Cream adalah krim berwarna putih, sekata dan larut dalam air.

### -Bahan-bahan kandungan

- Bahan Aktif:  
Urea, Vitamin E dan D-Panthenol.

### - Bahan Tidak Aktif:

Cremophor A6, Cremophor A25, Cetosteryl Alcohol, Butylated Hydroxy Toluene, Sodium Dihydrogen Phosphate Anhydrous, Liquid Paraffin, Propylene Glycol, Chlorocresol dan Purified Water.

### -Nomor MAL

MAL20040177X

## Pengilang dan pemegang pendaftaran produk

Kotra Pharma (M) Sdn Bhd  
No. 1, 2 & 3, Jalan TTC 12,  
Cheng Industrial Estate,  
75250 Melaka, Malaysia.

## Tarikh kemaskini RiMUP

06/03/2018

## Nombor siri

NPRA(R4/1)060318/00062